

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

<b>1.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PENDEKATAN EKONOMI HIJAU RENDAH KARBON BANGUNKAN WILAYAH CEKAL</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH (3 SEPTEMBER 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>12 (RENCANA)</b>

# Pendekatan ekonomi hijau rendah karbon bangunkan Wilayah CEKAL

● Di kawasan CEKAL terutama Cameron Highlands, amalan pengeluaran pertanian disifatkan tidak mampan beri kesan negatif kepada alam sekitar, hidupan liar, pelancongan dan kesejahteraan penduduk tempatan

● Wilayah CEKAL berperanan penting dalam pembangunan ekonomi, terutama menangani keterjaminan makanan dan pelancongan.



**Oleh Sukuran Taib dan Prof Datuk Dr M Nasir Shamsudin**  
[bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my)

Kawasan tanah tinggi dicirikan rupa bumi bercerangah dan landskap nyaman, memberikan satu set cabaran tetapi peluang untuk pembangunan ekonomi. Kawasan ini adalah tempat kepada pelbagai ekosistem flora dan fauna, sekali gus berpotensi sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, usaha mencapai pertumbuhan ekonomi hijau, mampan dan inklusif di tanah tinggi mendapat perhatian pihak berkepentingan. Potensi ekonomi kawasan tanah tinggi menawarkan peluang untuk pertanian mampan, pelancongan, tenaga boleh diperbaharui dan industri artisan tradisional.

Wilayah Tanah Tinggi Cameron Highlands, Kinta dan Loging (CEKAL) berkeluasan 321,638 hektar ialah kawasan utama pelancongan dan tanaman iklim sederhana di negara ini.

Antara tarikan utama wilayah ini adalah iklim lebih sejuk berbanding tanah dataran rendah. Pada 2022, wilayah ini menyumbang kepada kadar sara diri (SSR) sayur-sayuran sebanyak 19.27

peratus, manakala anggaran jumlah perbelanjaan pelancong ialah RM1.22 bilion.

Bagaimanapun, keadaan rupa bumi fizikal Wilayah CEKAL bercirikan meningkatkan risiko bencana alam seperti tanah runtuh, aliran puing dan banjir berasaskan empangan.

Seluas 13,687 hektar kawasan pembangunan tepu bina dan pertanian sedia ada terdedah kepada kawasan bencana alam. Kejadian tanah runtuh berlaku di laluan Simpang Pulai menuju ke Cameron Highlands pada Disember 2021 menyedarkan keperluan mengambil kira faktor risiko bencana ketika merancang dan membangunkan kawasan tanah tinggi.

Di negara ini, pelbagai kajian berkaitan pembangunan tanah tinggi dilakukan. Kajian ini menyenaraikan kesan negatif pembangunan tidak terkawal terhadap persekitaran tanah tinggi dan merumuskan pembangunan pesat tidak terkawal membawa kepada degradasi persekitaran sehingga berlaku bencana persekitaran.

Di kawasan CEKAL terutama Cameron Highlands, amalan pengeluaran pertanian disifatkan tidak mampan memberi kesan negatif kepada alam sekitar, hidupan liar, pelancongan dan kesejahteraan penduduk tempatan.

Pertama, kegiatan pertanian intensif. Penggunaan tanah tinggi untuk pertanian komersial secara intensif sering mengakibatkan penebahan hutan dan penukaran kawasan semula jadi kepada ladang, mengurangkan biodiversiti serta meningkatkan risiko hakisan tanah.

Kedua, pembangunan infrastruktur. Pembinaan jalan, resort dan kemudahan lain di kawasan tanah tinggi meningkatkan risiko tanah runtuh serta mengubah aliran air semula jadi,

yang boleh menyebabkan banjir. Ketiga, pengurusan sisa dan pencemaran. Pertambahan aktiviti manusia di kawasan CEKAL meningkatkan pencemaran daripada bahan kimia pertanian, sisa pepejal dan air kumbahan yang mencemarkan sumber air dan tanah.

Keempat, hakisan dan tanah runtuh. Aktiviti manusia tidak terkawal menyebabkan hakisan tanah, bukan sahaja merosakkan struktur tanah, bahkan meningkatkan risiko tanah runtuh, terutama semasa musim hujan.

Kelima, keseimbangan ekosistem. Penebahan hutan dan perubahan guna tanah menyebabkan gangguan kepada ekosistem semula jadi, mengurangkan habitat hidupan liar dan mengubah keseimbangan ekosistem.

Bagaimanapun terdapat petani mempertingkatkan pengeluaran dengan amalan menuju ke arah strategi mampan kurang merosakkan alam sekitar. Tekanan daripada pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan peraturan pihak berkuasa ketat menggalakkan amalan pertanian organik, walaupun hanya sejumlah kecil petani terbahit.

Umumnya, petani mempelajari teknik baharu, memula dan menyokong teknik penanaman lebih mesra alam serta menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan sosioekonomi.

Memandang ke hadapan, Wilayah CEKAL berperanan penting dalam pembangunan ekonomi, terutama menangani keterjaminan makanan dan pelancongan.

Ia perlu dibangunkan dengan pendekatan

(myGAP). Selain itu, inisiatif penting untuk maklumkan pengguna terhadap kesan alam sekitar daripada penggunaan makanan mereka adalah pelabelan jejak karbon.

Pelabelan jenis ini memberikan ketelusan dan menggalakkan pengguna menyokong pengeluar karbon rendah, akhirnya mendorong permintaan untuk produk lebih mampan.

Ia membabitkan paparan jumlah pelepasan karbon dioksida dihasilkan sepanjang kitaran hayat produk makanan, termasuk daripada pertanian, pemrosesan, pengangkutan, pembangunan dan pelupusan.

Contoh dilaksanakan ialah *Carbon Trust* di United Kingdom (UK) dan *Carbon Reduction Label* di Perancis.

Ketiga, amalan pelancongan rendah karbon. Mewujudkan program pensijilan hijau untuk perniagaan pelancongan mesra alam memenuhi kriteria kemampan seperti kecukupan tenaga, pengurangan sisa dan neutraliti karbon.

Pensijilan hijau dalam pelancongan tanah tinggi adalah aspek penting dalam pembangunan mampan, bertujuan meminimumkan kesan alam sekitar aktiviti pelancongan sambil mempromosikan faedah ekologi, budaya dan ekonomi.

Contoh amalan ini adalah di Bhutan dan Swiss Alps. Selain itu, menggalakkan pelancongan menyumbang kepada projek pengimbasan karbon seperti penanaman semula hutan untuk mengimbangi pelepasan dijana oleh perjalanan dan penginapan mereka.

Ia membabitkan pengiraan jejak karbon di mana aktiviti pelancongan untuk membantu dalam mengimbangi pelepasan dan menggalakkan kelestarian alam sekitar.

Keempat, program pendidikan dan kesedaran. Meningkatkan kesedaran dalam kalangan penduduk tempatan dan pelancongan mengenai pentingnya mengekalkan keseimbangan ekosistem tanah tinggi.

Program pendidikan alam sekitar boleh membantu dalam mengubah sikap dan amalan masyarakat terhadap penggunaan tanah tinggi.

Kelima, pemantauan dan penyelidikan. Meningkatkan usaha pemantauan dan penyelidikan mengenai kesan perubahan iklim serta pembangunan ke atas kawasan tanah tinggi. Data diperoleh boleh digunakan untuk membangunkan strategi pengurusan lebih berkesan.

Bagi memastikan keberkesanan pendekatan ekonomi hijau rendah karbon dan berdaya huni ini, antara lain memerlukan kerjasama dan komitmen pihak berkuasa, komuniti tempatan dan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan tanah tinggi Wilayah CEKAL dapat dipelihara bagi generasi akan datang.



2.	TAJUK	AIR SUNGAI TERITIT BAU SEPERTI BAHAN KIMIA, BERBUIH
	SUMBER	BH (3 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NATIONAL)

# Air Sungai Teritit bau seperti bahan kimia, berbuih

**Penduduk tiga kampung diminta elak lakukan aktiviti di lokasi**

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Pekan:** Air Sungai Teritit dekat Merchong di sini dicemari bahan kimia yang belum dikenal pasti jenisnya oleh pihak berkuasa, selepas dibuang secara haram pihak tidak bertanggungjawab sejak kelmarin.

Susulan kejadian itu, penduduk tiga kampung sekitarnya iaitu Kampung Merchong dan

dua penempatan Orang Asli iaitu Kampung Serun dan Kampung Chenkeroh diminta mengelak melakukan sebarang aktiviti di sungai terbabit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Ariff, berharap penduduk tiga kampung terbabit tidak cemas berikutan kejadian pencemaran bahan kimia dilaporkan.

Beliau berkata, wakil Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bebar bersama pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang sudah meninjau keadaan kawasan yang berlaku pencemaran, termasuk Sungai Teritit.

Katanya, ketika ini penduduk dinasihatkan mengelak melakukan sebarang aktiviti di kawasan

berhampiran seperti memancing dan mengambil hidupan air di parit sekitar kawasan terbabit, termasuk dalam Sungai Teritit.

"Air Sungai Teritit kini tercemar daripada sumber yang belum dikenal pasti dan bagi mengelak sebarang risiko masalah kesihatan akibat daripada pencemaran yang berlaku, penduduk dinasihat supaya tidak menghampiri sungai terbabit.

"Semua agensi bertanggungjawab sudah dimaklumkan dan tindakan sedang dijalankan, kita bersama-sama doakan supaya situasi yang berlaku dapat ditangani secepat mungkin demi kesejahteraan penduduk di kawasan sekitar," katanya.

Selain itu, JAS turut meninjau pencemaran yang berlaku dan contoh bahan kimia yang dibuang



Pegawai JAS Pahang mengambil contoh air Sungai Teritit yang tercemar bahan kimia di Pekan, semalam.  
(Foto ihsan pembaca)

diambil untuk tujuan analisis Jabatan Kimia.

### Bimbang pencemaran meluas

Penduduk Kampung Merchong, Ismail Kasim, 52, berkata pencemaran menyebabkan air sungai yang tercemar itu mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

Katanya, pembuangan bahan kimia terbabit dipercayai dilakukan di tepi Jalan Nenasi-Rompin dan hanya disedari penduduk se-

lepas mendapati air Sungai Teritit berbuih dengan bau mencurigakan seperti bahan kimia.

"Air Sungai Teritit mengalir turun ke Sungai Palas sebelum ke laut, saya bimbang pencemaran yang berlaku menyebabkan kercun kepada ikan dan hidupan air lain.

"Ketika awal penemuan, penduduk setempat mendakwa bahan kimia yang dibuang seperti asid," katanya.

3.	TAJUK	7 KILANG E-WASTE DISERBU BABIT RAMPASAN RM97 JUTA
	SUMBER	BH (5 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

# 7 kilang e-waste diserbu babit rampasan RM97 juta

Operasi bersepadu tahan 36 individu hasil risikan sejak April lalu

Oleh Safeek Affendi Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) menumpaskan sindiket memproses sisa elektronik (e-waste) haram membabitkan rampasan bernilai lebih RM97 juta dalam siri serbuan di Telok Gong, Klang, Selangor, kelmarin.

Operasi bersepadu pada jam 11 pagi dilakukan Pasukan Perisikan Siasatan Khas Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman yang menyerbu tujuh kilang disyaki didalangi sindiket sama.

Pemangku Pengarah JKDNKA, Datuk Mohd Yusoff Mamat, berkata serbuan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dijalankan susulan risikan sejak April lalu.

"Pasukan menjalankan pemeriksaan terhadap tujuh premis memproses barang logam, plastik dan e-waste yang disyaki beroperasi secara haram.

"Hasil pemeriksaan, 36 individu terdiri daripada lima warga tempatan dan 31 warga asing berusia antara 25 hingga 60 tahun ditahan.

"Warga tempatan dipercayai berperanan sebagai penyelaras yang mengambil untung atas aktiviti dijalankan membabitkan keuntungan jutaan ringgit, manakala warga asing pula berperanan membawa teknologi dan bahan



Mohd Yusoff menunjukkan gambar barangan e-waste yang disita sambil diperhatikan Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya JAS, Azlan Ahmad (kanan) pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

kimia disyaki dari negara luar untuk aktiviti pemrosesan e-waste," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Yusoff berkata, serbuan itu turut merampas 19,203 guni barangan sisa elektronik, 630 guni pelbagai jenis logam (tembaga, besi, aluminium, timah), barang elektronik, plastik dan wayar.

Selain itu, katanya, pelbagai peralatan disyaki digunakan untuk memproses bahan kitar semula turut dirampas, antaranya 23 forklift, 71 mesin pelbagai jenis, 20,576 tin mengandungi pelbagai jenis serbuk, tong minyak serta tangki air.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati semua bahan kitar semula itu dibawa masuk ke negara ini melalui pelabuhan dengan membuat pengisytiharan palsu sebagai bahan logam sebelum dihantar ke kilang haram untuk diproses.

"Mereka memproses bahan elektronik daripada sisa kompu-

ter dan telefon bimbit untuk mendapatkan bahan berharga seperti emas dan tembaga yang boleh dijual semula pada nilai tinggi.

"Tindakan pemrosesan dengan cara bakar dan air yang digunakan bersama bahan kimia akan mengalir ke sungai. Ia bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, tetapi juga membahayakan keselamatan serta kesihatan," katanya.

Mohd Yusoff berkata, semua individu yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 22, 25, 34A dan 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, selain Seksyen 6(1)(c) dan 55B Akta Imigresen 1959/63 serta Peraturan 39B Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

MBDK turut menjalankan siasatan dan mengambil tindakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kerana premis beroperasi tanpa lesen sah.

## SPRM jalankan siasatan

Sementara itu, di **Putrajaya**, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, melahirkan kebimbangan dengan kewujudan sindiket memproses sisa elektronik kerana ia bukan sahaja membabitkan kes jenayah, malah berisiko mengakibatkan salah guna kuasa, rasuah dan menjejaskan kesihatan.

Katanya, SPRM mengambil maklum kewujudan masalah terbabit dan turut menjalankan siasatan bagi mengenal pasti jika terdapat elemen berkaitan.

"E-waste ini dibawa masuk dari negara luar dan dibuang di sini (Malaysia). Ini menunjukkan bahawa soal kesihatan juga membabitkan isu rasuah.

"Sebagai contoh, apabila e-waste ini dibenarkan masuk (dibuang di Malaysia), semua ini pada saya akan menyebabkan isu jenayah, salah guna kuasa, rasuah dan akhirnya menyebabkan isu kesihatan," katanya.

4.	TAJUK	SUSULAN PENCEMARAN BAU KIMIA : BACAAN GAS AMMONIA LEBIHI TAHAP NORMAL
	SUMBER	HARIAN METRO (5 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (LOKAL)

Oleh Omar Ahmad  
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor mengesan kehadiran gas ammonia yang tinggi melebihi tahap normal di kawasan Sungai Pandan di Kampung Melayu Pandan di sini, kelmarin.

Timbalan Pengarah Kanan JAS Johor, Mohd Rashdan Topa berkata, pengukuran tahap kualiti udara di sekitar kawasan Sungai Pandan itu diukur menggunakan *multi gas detector* pada jam 4 petang yang menunjukkan bacaan parameter tinggi melebihi AEGL 1 (tahap kepekatan udara selamat) atau melebihi tahap normal.

Bagaimanapun katanya, bacaan gas terbabit berada pada tahap normal hasil pemeriksaan kualiti udara yang dijalankan pada jam 1 pagi semalam.

"Setakat ini kita tak dapat pastikan (bahan kimia), tetapi berdasarkan pengawasan kualiti udara yang dijalankan oleh JAS di Sungai Pandan (belakang Tabika Kemas Kampung Melayu Pandan) semalam (kelmarin) mendapati bacaan kepekatan Ammonia (NH<sub>3</sub>) adalah tinggi. Parameter lain adalah normal.

"Kalau seseorang itu berada di kawasan tersebut (gas ammonia) boleh menyebabkan gejala pening-pening dan loya.

"Kita juga mendapat makluman dua penduduk kampung ini mendapatkan rawatan sebagai pesakit

## SUSULAN PENCEMARAN BAU KIMIA

# Bacaan gas ammonia lebih tahap normal



MOHD Rashdan (kiri) memerhatikan anggota JAS mengambil sampel air Sungai Pandan bagi mengenal pasti punca pencemaran bau kimia.

luar dan tiada dimasukkan ke Hospital akibat pencemaran udara ini," katanya selepas lawatan dan mengambil sampel air Sungai Pandan di sini, semalam.

Menurut Mohd Rashdan, pihaknya masih menyiasat sama ada gas ammonia itu dilepaskan oleh premis atau kilang di sepanjang

Sungai Pandan atau dibuang oleh pihak tidak bertanggungjawab ke dalam sungai ini.

Katanya, JAS Johor sudah melakukan pemantauan udara menggunakan dron di sepanjang dua kilometer kawasan Sungai Pandan, selain mengambil sampel tanah dan air di sungai ter-

babit untuk dianalisa Jabatan Kimia.

"Kita menyusur sepanjang sungai sebab aduan itu kita terima di bahagian Taman Daya dan kita juga telah buat siasatan di kawasan itu.

"Kita khuatir jika ada pembuangan sisa dalam Sungai Pandan di bahagian

atas masuk ke Sungai Pandan yang berakhir di sini. Sebab itulah bau di sini kuat.

"Hasil pemantauan dron, kita tengok aliran sungai itu ada tak kesan hitam, sebab di sini kita nampak di belakang Tabika Kemas, air sungai berwarna hitam dan berbau kuat," katanya.

5.	TAJUK	HIGH LEVEL AMMONIA GAS DETECTED ALONG SUNGAI PANDAN
	SUMBER	THE STAR (5 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	3 (NATION)



**Unhealthy levels:** Mohd Rashdan (left) inspecting the area along Sungai Pandan in Johor Baru for pollutants.

## High level of ammonia gas detected along Sungai Pandan

By MOHD FARHAAN SHAH  
[farhaan@thestar.com.my](mailto:farhaan@thestar.com.my)

**JOHOR BARU:** The presence of ammonia gas at higher than normal levels along Sungai Pandan has been detected, says the Environment Department.

State senior deputy director Mohd Rashdan Topa said the gas was detected on Tuesday around 4pm following reports of chemical odour pollution in three areas.

He said a multi-gas detector was used to measure air quality around Sungai Pandan area, add-

ing that the reading showed high parameter above AEGL 1 (safe air concentration level).

"We have not been able to confirm the chemical but based on the air quality monitoring carried out by the department at the site on Tuesday, it was found that the concentration of ammonia was high.

"However, the reading at Sungai Pandan returned to a normal during another round of air quality inspection at 1am," he told reporters when met at the scene yesterday.

Mohd Rashdan said two villag-

ers received outpatient treatment and explained those who reside in an area that has high levels of ammonia gas could experience dizziness and nausea.

He said the department was still investigating whether the ammonia gas was released by premises along the river or have been dumped by irresponsible parties.

The department carried out aerial monitoring using drones along 2km of Sungai Pandan area and took soil and water samples for analysis.

Kampung Melayu Pandan Residents' Association chairman Mohd Fauzi Mohamad said the air quality was now much better compared to Tuesday.

"There is still some slight odour especially along Sungai Pandan, but things are getting back to normal.

"However, we are still concerned because the authorities have yet to identify the chemical substance they found in the river," he added.

Johor Baru mayor Datuk Mohd Noorazam Osman said that

Sungai Pandan, which is also known as Sungai Tebrau, had been earmarked for redevelopment under MJB's special area plans (RKK) for the next 10 years.

He said under the RKK, squatters and factories along or near the river would be relocated as part of efforts to clean up the area and improve the river's water quality.

On the incident, Mohd Noorazam said MJB was liaising with the department to get its full report that would determine who is responsible for it to take action.

6.	TAJUK	JAS KESAN BUNGKUSAN PUTIH DIBUANG DI ANAK SUNGAI PANDAN
	SUMBER	BH (6 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

# JAS kesan bungkusan putih dibuang di anak Sungai Pandan

Pencemaran bau kimia sama seperti di Kampung Melayu Pandan

Oleh Omar Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) menemui beberapa bungkusan yang tidak dikenal pasti di anak Sungai Pandan, kawasan berhampiran Taman Daya, di sini, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon, berkata beberapa bungkusan putih ditemui kira-kira jam 10 pagi itu mempunyai bau yang sama seperti di Kampung Melayu Pandan.

Katanya, JAS sudah menghantar sampel daripada bungkusan ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

"JAS menjalankan pemeriksaan di kawasan sekitar, terutamanya di sepanjang tebing sungai.

"JAS sudah memasang gari keselamatan di lokasi dan sedang mengukur kualiti udara di situ," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

#### Cari punca pencemaran

Tian Soon berkata, pihaknya memandang serius pencemaran bau kimia ini dan akan terus menjalankan pemeriksaan di sekitar Sungai Pandan dan anak sungai untuk mencari



membuang bahan kimia boleh didakwa di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2024, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dari lima tahun, denda tidak lebih RM10 juta, atau kedua-duanya sekali," katanya.

Kelmarin JAS mengesan kehadiran gas amonia yang tinggi melebihi tahap normal, di kawasan Sungai Pandan di sini, yang menyebabkan pencemaran bau.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan mengambil tindakan tegas terhadap kilang yang terlibat dalam pencemaran bau di Sungai Pandan, di sini kelmarin.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Mohd Noorazam Osman, berkata tindakan tegas termasuk boleh disita perlu dibuat kerana Sungai Pandan yang juga jajaran ke sungai utama, iaitu Sungai Tebrau satu daripada sungai utama di bandar raya ini.

Bagaimanapun, katanya tindakan itu boleh dibuat selepas laporan penuh daripada JAS berhubung insiden pencemaran terbit diterima.



Kesan pencemaran daripada kotoran minyak dan sampah masih terdapat di Sungai Pandan di Kampung Melayu Pandan, Johor Bahru. (Foto Omar Ahmad/BH)

punca pencemaran.

"Saya ingin menyeru semua rakyat untuk menjadi mata dan telinga JAS. Sekiranya sesiapa melihat individu yang membuang sisa industri atau bahan kimia secara haram, sila laporkan segera kepada JAS.

"Saya juga mengancam tindakan tidak bertanggungjawab mereka yang membuang bahan atau sisa tanpa pengendalian profesional.

"Saya ingin mengingatkan bahawa mana-mana industri atau individu yang dengan sengaja



Ling Tian Soon

7.	TAJUK	BUANGAN BERMINYAK PUNCA SUNGAI TERITIT BUSUK
	SUMBER	BH (6 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

## Buangan berminyak punca Sungai Teritit busuk

**Kuantan:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati bau busuk di Sungai Teritit, Merchong berpunca daripada buangan berminyak.

Dalam kenyataan JAS berkata, sepasukan pegawai bersama pasukan Hazmat Bomba ke tempat kejadian di tepi jalan utama Pekan-Rompin, bagi menjalankan siasatan serta pengujian, selepas aduan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang.

“Berikutan itu Jawatankuasa Bencana Daerah Pekan digerakkan bagi menangani kes pencemaran Sungai Teritit, berikutan terdapat penempatan berhampiran dengan lokasi kejadian,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, persampelan terhadap buangan di kawasan terbabit dilakukan oleh JAS dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Katanya, Hazmat Bomba juga menjalankan pemantauan udara bagi menentukan tahap keselamatan di sekitar kawasan yang terjejas.

“Pemantauan udara di sekitar kawasan tempat kejadian termasuk di Sungai Teritit mendapati bacaan udara berada pada paras normal. Penduduk berhampiran dinasihat memakai pelitup muka dan tidak menangkap ikan di sungai terbabit.

“Sekiranya penduduk setempat mengalami gejala gatal kulit, mata berair, sesak nafas dan loya serta pening kepala mereka dinasihatkan ke Klinik Kesihatan Nenasai.

“Siasatan bagi mengesan pe-njenayah alam sekitar kini sedang giat dilakukan pihak berkuasa,” katanya.

Mereka yang melalui Jalan Pekan-Rompin terutama di kawasan Sungai Teritit pada 30 Ogos lalu, kira-kira jam 6 petang hingga 8 malam dan mempunyai rakaman Dashcam, diharap dapat tampil bagi membantu siasatan dengan menghubungi JAS di talian 09 5730636 atau 019 9151953.



Kesan air berminyak punca pencemaran bau di Sungai Teritit Kampung Chenkeroh, Merchong di Pekan. (Foto Muhammad Delima Atan/BH)

8.	TAJUK	SUSULAN PENCEMARAN BAU KIMIA : 'KAMI TAKUT MAKAN IKAN'
	SUMBER	HARIAN METRO (6 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

## lokal



MASIH terdapat kesan kotoran minyak dan sampah di Sungai Pandan di Kampung Melayu Pandan. Gambar kecil, beberapa bungkus plastik tidak dikenal pasti yang dibuang di tepi anak Sungai Pandan di kawasan Taman Daya, ditemui JAS Johor semalam.



### SUSULAN PENCEMARAN BAU KIMIA

# 'Kami takut makan ikan'

Oleh Omar Ahmad  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

Johor Bahru

penduduk di Kampung Melayu Pandan, di sini, yang terjejas dengan pencemaran bau. Selasa lalu, mengambil inisiatif untuk tidak memakan hidupan di Sungai Pandan buat sementara waktu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Me-

layu Pandan Mohd Fauzi Mohamad berkata, ramai belia di kawasan itu yang gemar memancing di sungai terbabit terutama pada sebelah petang.

Katanya, beliau sudah memaklumkan kepada penduduk agar mengelakkan memancing dan memakan ikan dari sungai itu.

"Semasa pencemaran bau berlaku, saya ada mendapat aduan daripada penduduk menyatakan

kebingungan mereka, takut jika insiden di Sungai Kim Kim berulang dan terjadi di sini.

"Alhamdulillah, selepas mendapat penjelasan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor semalam (kelmarin) yang menyatakan terdapat kandungan gas ammonia yang tinggi di kawasan ini, kami sedikit lega.

"Tetapi sebab ia melibatkan sungai dan kita masih tidak tahu apa bahan kimia yang dibuang dalam

Sungai Pandan, saya menasihatkan kepada penduduk terutama anak untuk elakkan aktiviti memancing ketika ini.

"Ada penduduk yang makan hasil memancing di Sungai Pandan sebelum ini. Di sungai ini, terdapat ikan keli, haruan, patin dan pelbagai lagi ikan.

"Kita risau sebab semasa pencemaran bau itu berlaku, terdapat beberapa ikan di sini juga timbul (mati)," katanya ketika di-

temui di sini, semalam.

Sementara itu, tinjauan di Kampung Melayu Pandan mendapati Tabika Kemas Jalan Masjid kembali beroperasi selepas ditutup selama dua hari sebagai langkah berjaga-jaga akibat pencemaran bau.

Selasa lalu, tiga kawasan dilaporkan turut terjejas akibat pencemaran bau membabitkan Taman Mount Austin, Taman Daya dan Taman Istimewa, di sini.

## Bungkus tak dikenal pasti di anak Sungai Pandan

Johor Bahru: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor menemui beberapa bungkus yang tidak dikenal pasti di anak Sungai Pandan berhampiran Taman Daya, di sini, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Ling Tian Soon berkata, beberapa bungkus putih lut sinar ditemui kira-kira jam 10 pagi itu mempunyai bau yang sama seperti di Kampung Melayu Pandan, Selasa lalu.

Katanya, JAS Johor mengambil sampel isi bungkus itu dan menghantarnya ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

"JAS Johor telah memasang garisan keselamatan di lokasi dan sedang mengukur kualiti udara di situ," katanya, semalam.

Menurutnya, pihaknya memandang serius insiden pencemaran bau kimia itu dan akan terus menjalankan operasi pemeriksaan di sekitar Sungai Pandan dan anak-anak sungainya untuk mencari punca pencemaran.

**"JAS Johor telah memasang garisan keselamatan di lokasi dan sedang mengukur kualiti udara itu"**

Ling

7.	<b>TAJUK</b>	<b>JAS SIASAT BAU BUSUK DI SUNGAI TERITIP</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>HARIAN METRO (6 SEPTEMBER 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>12 (LOKAL)</b>

**Kuantan:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang melakukan siasatan susulan aduan bau busuk di Sungai Teritip, Merchong, dekat sini oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Pahang.

Dalam kenyataan JAS kelmarin menyatakan sepasukan pegawai JAS bersama pasukan Hazmat Bomba dan Penyelamat ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan serta pengujian.

Hasil siasatan mendapati bau busuk terhasil berpunca buangan berminyak dipercayai dibuang terus ke dalam Sungai Teritip tepi jalan utama Pekan-Rompin.

## ***JAS siasat bau busuk di Sungai Teritip***

Berikutan itu, katanya Jawatankuasa Bencana Daerah Pekan digerakkan menangani kes pencemaran Sungai Teritip berikutan terdapat penempatan berhampiran lokasi kejadian.

Persampelan terhadap buangan di kawasan tersebut dilakukan oleh JAS dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) analisa.

Pihak Hazmat Bomba dan Penyelamat juga men-

jalankan pemantauan udara bagi menentukan tahap keselamatan di sekitar kawasan tersebut.

Hasil pemantauan udara di semua lokasi sekitar kawasan tempat kejadian termasuk di Sungai Teritip mendapati bacaan udara pada paras normal.

Kerja pembetulan siap dilakukan oleh kakitangan JPS

Pekan dengan mengambil kira penilaian arah aliran air Sungai Teritip.

Penduduk berhampiran dinasihatkan memakai pelitup muka dan tidak melakukan aktiviti menangkap ikan di aluair di kawasan terbabit.

Sekiranya penduduk setempat mengalami gejala gatal kulit, mata berair, sesak nafas dan loya serta pening kepala mereka dinasihatkan hadir berte-

mu doktor di Klinik Kesihatan Nenasi.

Siasatan bagi mengesan penjenayah alam sekitar kini sedang giat dilakukan pihak berkuasa. Bagi mereka yang melalui Jalan Pekan-Rompin terutama di kawasan Sungai Teritip pada 30 Ogos lalu, sekitar jam enam petang hingga lapan malam dan mempunyai rakaman Dashcam, diharap tampil bagi membantu siasatan dengan menghubungi JAS di talian

09 5730636 atau 019 9151953.

Sebelum ini media melaporkan penduduk tiga kampung tradisional di daerah ini resah apabila berlaku pencemaran dipercayai bahan kimia dibuang pihak tidak bertanggungjawab ke dalam Sungai Teritip, Merchong.

Penduduk Kampung Merchong termasuk dua penempatan Orang Asli Kampung Serun dan Kampung Chenkeroh kini bimbang kesan sampingan boleh berlaku pada mereka berikutan air sungai yang tercemar dan mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

**Penduduk berhampiran dinasihatkan memakai pelitup muka**

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**